

精通



跟着课本走



全技能

综合练习

Latihan Mahir Integrasi Berdasarkan Buku Teks

马来文

Bahasa Melayu



根据
UASA格式
编写

附归纳式评估
Pentaksiran Sumatif



HOTS
KBAT

KSSR
SEKOLAH



Kata adjektif waktu digunakan untuk menunjukkan masa kepada kata nama.

Contoh kerap, awal, silam, lewat, baharu

Kata adjektif jarak digunakan untuk menerangkan konsep ruang antara dua benda atau keadaan.

Contoh jauh, hampir, dekat, rapat

Kata adjektif cara menerangkan tentang keadaan kelakuan atau ragam sebagai penerang kata nama.

Contoh cepat, gopoh, laju, deras, selalu

Kata adjektif perasaan menerangkan tentang perasaan atau kata yang menunjukkan perasaan sebagai penerang kata nama dan diikuti oleh kata sendi nama.

Contoh rindu, suka, benci, kasih, berani

Tandakan (✓) bagi kata adjektif yang betul berdasarkan ayat di bawah ini. 5.1.3

1 Arus sungai itu sangat _____.

cepat

deras

pantas

2 Jarak rumah Li Chen dengan sekolah sungguh _____ sehingga dia terpaksa menaiki bas.

panjang

jauh

hampir

3 Ingatan saya terhadap kamu tidak pernah _____ walaupun sudah lama tidak bertemu.

luput

sedikit

lusuh

4 Nenek Zulaikha amat _____ akan cucunya yang tinggal di bandar.

suka

takut

rindu

5 Yong Xiang terpaksa bergegas pulang ke rumah, apabila hari sudah _____ malam.

awal

larut

cepat

D Pemahaman

Unit 6

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

211 TPI 2 3 4 5 6

Pada cuti sekolah yang lalu, saya dan keluarga telah bercuti di Tanah Tinggi Cameron. Kami berada di sana selama tiga hari dua malam. Kami bertolak pada pukul 7:00 pagi dan tiba di sana pada pukul 10:00 pagi dengan menaiki kereta yang dipandu oleh ayah.

Kami menginap di sebuah hotel di Brinchang. Semasa kami berada di sana, kami telah berkunjung ke beberapa buah tempat yang menarik. Kami berpeluang melawat ladang teh, ladang strawberi, kebun sayur-sayuran dan Hutan Lipur Tanah Rata.

Tempat yang paling menarik kami lawati ialah ladang strawberi kerana kami berpeluang memetik sendiri buah strawberi masak yang segar. Cuaca di sana sungguh sejuk. Kami seolah-olah berada di luar negara yang beriklim sejuk.

Sebelum bertolak pulang, kami telah membeli cenderamata untuk diberikan kepada saudara mara dan rakan-rakan. Kami berasa sungguh gembira kerana dapat bercuti di sana. Harapan kami agar dapat berkunjung lagi ke sana satu hari nanti.

1 (a) Penulis dan keluarganya telah pergi bercuti di _____

(b) Berapa harikah penulis tinggal di sana?

(c) Gariskan **satu kata adjektif** yang terdapat dalam ayat yang diberikan.

Tempat yang paling menarik kami lawati ialah ladang strawberi kerana kami berpeluang memetik sendiri buah strawberi masak yang segar. Cuaca di sana sungguh sejuk.

- (d) Pilih dan tandakan (✓) bagi ayat **sama maksud** dengan ayat yang diberikan.

Sebelum bertolak pulang, kami telah membeli cenderamata untuk diberikan kepada saudara-mara dan rakan-rakan.

(i) Saudara-mara dan rakan-rakan membelikan cenderamata untuk kami sekeluarga.	
(ii) Kami telah membeli cenderamata untuk diberikan kepada saudara-mara dan rakan-rakan sebelum bertolak pulang.	

Baca dan fahami situasi di bawah. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah **tidak lebih daripada 30 patah perkataan**.

3.2.2 TP 1 2 3 4 5 6

2

Zhang Li suka melancong di negeri Melaka kerana banyak tempat menarik di sana. Rakan baiknya yang kebetulan ingin pulang ke Melaka mengajaknya ikut serta balik kampung bersamanya. Tetapi pada waktu yang sama keluarganya pula mengajak Zhang Li bercuti ke Legoland Johor Bahru. Dia perlu membuat keputusan sama ada untuk pergi ke kampung rakan baiknya atau bercuti bersama-sama keluarganya.

Sekiranya kamu Zhang Li, apakah pilihan kamu? Buat pertimbangan dan nyatakan keputusan kamu.

E Karangan


Grafik di bawah menunjukkan sebuah keluarga sedang dalam perjalanan untuk pergi bercuti.

Tuliskan pendapat kamu tentang faedah-faedah bercuti bersama-sama keluarga.

Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam satu perenggan.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 50 patah perkataan.

3/2/2 TP 1 2 3 4 5 6



Idea	Huraian	Contoh